

SOALAN LAZIM
CUTI TANPA REKOD SEMPENA PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI
(MyPPSM Ceraian SR.5.3.4)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah penambahbaikan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod (CTR) Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai ini berkuat kuasa?	Peraturan ini berkuat kuasa mulai 22 Mei 2023.
2.	Pn. Siti kelahiran Sabah berkhidmat di Semenanjung Malaysia tetapi beliau tidak menyambut Pesta Kaamatan. Adakah Pn. Siti layak diberikan CTR Sempena Pesta Kaamatan?	Layak. Pn. Siti layak mendapat CTR Sempena Pesta Kaamatan kerana beliau lahir di Sabah dan berkhidmat di Semenanjung Malaysia.
3.	En. Andy lahir di Selangor dan berkhidmat di Semenanjung Malaysia. Beliau merupakan etnik Dayak yang menyambut Hari Gawai. Adakah En. Andy layak diberikan CTR Sempena Hari Gawai?	Layak. En. Andy layak mendapat CTR Hari Gawai kerana beliau merupakan etnik yang menyambut Hari Gawai yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia.
4.	En. Jason berketurunan Dayak dan berkhidmat di Wilayah Persekutuan Labuan. Adakah En. Jason layak diberikan CTR Hari Gawai?	Layak. En. Jason layak mendapat CTR Hari Gawai kerana beliau merupakan etnik yang menyambut Hari Gawai yang berkhidmat di Wilayah Persekutuan Labuan.
5.	Pn. Mary berketurunan Rungus dan berkhidmat di Sarawak. Adakah Pn. Mary layak diberikan CTR Hari	Pn. Mary tidak layak diberikan CTR Hari Gawai kerana beliau bukanlah etnik yang menyambut Hari Gawai. Namun begitu, oleh

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	Gawai dan Pesta Kaamatan.	<p>kerana Pn. Mary berkhidmat di Sarawak dan Hari Gawai merupakan Hari Kelepasan Am di negeri Sarawak, maka beliau turut menikmati Hari Kelepasan Am tersebut.</p> <p>Pn. Mary juga layak diberi CTR Pesta Kaamatan mengambil kira Pn. Mary merupakan etnik Rungus yang menyambut Pesta Kaamatan.</p>
6.	Adakah pegawai yang menerima Bayaran Insentif Wilayah sahaja yang layak mendapat kemudahan CTR Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai ini?	<p>Tidak.</p> <p>Kemudahan CTR ini tidak ada kaitan dengan penerimaan Bayaran Insentif Wilayah.</p>
7.	Apakah dokumen yang diperlukan untuk mengesahkan pegawai adalah berketurunan etnik yang menyambut Pesta Kaamatan dan Hari Gawai?	Maklumat peribadi pegawai yang telah disahkan dalam Sistem HRMIS, Sijil kelahiran pegawai atau dokumen-dokumen yang berkaitan.
8.	Adakah pegawai lantikan <i>Contract of Service</i> layak mendapat kemudahan CTR Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai?	Pegawai lantikan <i>Contract of Service</i> layak diberikan CTR Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.
9.	Sekiranya Pesta Kaamatan dan Hari Gawai jatuh pada Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan atau Hari Kelepasan Am, adakah CTR tersebut boleh dibawa kepada hari berikutnya?	Sekiranya Pesta Kaamatan dan Hari Gawai jatuh pada Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan atau Hari Kelepasan Am, peruntukan CTR tersebut adalah terikat kepada hari yang dibenarkan sahaja dan tidak boleh dibawa kepada hari berikutnya.